



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## MAJLIS PERASMIAN JELAJAH MINI KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA (KBM) 2023 ZON UTARA

ALOR SETAR, 21 SEPTEMBER 2023 – Yang Berbahagia Dato' Rohaizi bin Bahari, Pengarah Kanan, Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup hari ini telah menyempurnakan **Majlis Perasmian Jelajah Mini Karnival Barang Malaysia 2023 Zon Utara** yang berlangsung pada **21 September hingga 23 September 2023** bertempat di Aman Central Mall, Alor Setar, Kedah.

2. Penganjuran **Jelajah Mini Karnival Barang Malaysia 2023 Zon Utara** ini adalah bagi menggalakkan rakyat di kawasan utara untuk memberikan keutamaan kepada barang buatan tempatan dan merupakan salah satu inisiatif Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di bawah **Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) 2023**.
3. Untuk makluman, pada hari ini terdapat **dua puluh (20) pempamer** yang turut sama dalam menjayakan **Jelajah Mini KBM 2023 Zon Utara** dan produk-produk yang dibawakan merangkumi kepelbagaian produk atau **kluster** dari **keunikan empat negeri berbeza di Utara iaitu Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak**.
4. Pelaksanaan **KBBM** pada tahun ini adalah langkah tepat Kerajaan dan **KPDN** dalam meneruskan **usaha bagi memartabatkan barangan Malaysia** dikala isu kos sara hidup yang meningkat dan krisis ekonomi yang melanda seluruh dunia ketika ini.
5. Antara inisiatif-inisiatif **KBBM** yang dilaksanakan pada tahun ini termasuklah melalui inisiatif pemerkasaan produk tempatan di dalam industri peruncitan tempatan dan platform dalam talian, inisiatif media animasi digital, inisiatif jualan bertema berdasarkan segmen khusus dan juga pelaksanaan **Jelajah Mini KBM yang akan menjelajah ke 5 zon/wilayah di Malaysia** di samping pelaksanaan acara kemuncak Karnival Barang Malaysia pada penghujung tahun nanti.

6. Justeru itu, **KPDN** menerusi penganjuran **Jelajah Mini Karnival Barang Malaysia 2023** yang juga merupakan sebuah inisiatif yang ditambahbaik menerusi inisiatif **KBBM** dan buat julung kalinya akan dilaksanakan dalam skala yang sederhana ke **lima (5) zon/wilayah di seluruh Malaysia** diharap dapat menjadi pemangkin dalam merancakkan kembali pembelian barang buatan Malaysia di samping mengimbangi cabaran dan tekanan globalisasi ekonomi semasa khususnya untuk merangsang pertumbuhan ekonomi domestik melalui peningkatan pembelian dan penggunaan produk atau perkhidmatan tempatan.

7. **Jelajah Mini Karnival Barang Malaysia** ini juga akan menampilkan pemain-pemain industri perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang dipilih dari zon/wilayah yang terlibat itu sendiri untuk memperkenalkan barang mereka kepada masyarakat setempat. Antara aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan termasuklah pameran dan jualan, sesi advokasi dan bermacam-macam aktiviti menarik untuk para pengunjung.

8. **KPDN** ingin menyeru agar rakyat Malaysia untuk “**Jom Sokong dan Beli**” dan menyarankan pengguna supaya dapat membuat pilihan yang lebih tepat dengan **membeli serta memilih barang Malaysia yang sememangnya berkualiti dan setanding dengan produk-produk luar**.

7. **KPDN** berharap agar rakyat Malaysia dapat turun beramai-ramai ke setiap lokasi **Jelajah Mini Karnival Barang Malaysia 2023** dalam memeriahkan lagi Karnival ini disamping **menyokong produk-produk usahawan tempatan** dan secara tidak langsung dapat memulihkan kembali ekonomi negara.

### **“Jom Sokong dan Beli” Barang Malaysia “Barang Baik, Barang Kita”**

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP,  
ALOR SETAR, KEDAH, 21 SEPTEMBER 2023.**

###

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam Negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



Perbadanan Harta Intelek Malaysia  
Intellectual Property Corporation of Malaysia



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA